



# KUIM

**BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK  
DAN ANTARABANGSA**  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
BATU 28, KUALA SUNGAI BARU  
78200 MELAKA  
Tel : 06-387 8420 / 6196 Fak : 06-387 8368

Tarikh : 11 September 2020  
21 Muharram 1442H

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

No.Ruj: KUIM/AKA/PENT/16

<b>TAJUK</b>	<b>PELAKSANAAN SEMULA AKTIVITI PEMBELAJARAN SECARA BERSEMUKA DI KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA</b>
<b>KEPADA</b>	Semua Dekan, Semua pensyarah Semua Mahasiswa/i
<b>DARIPADA</b>	Pengarah Bahagian Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa
<b>SALINAN KEPADA</b>	➤ YBhg. Datuk Naib Canselor ➤ TNC PKPI ➤ TNC HEPA ➤ Pendaftar

Saya dengan segala hormatnya merujuk emel daripada Pejabat Pendaftar bertarikh 10 September 2020 yang membenarkan pelaksanaan semula aktiviti / program berkumpulan secara bersemuka di dalam dan luar Kolej Universiti Islam Melaka

2. Justeru itu, semua aktiviti pembelajaran bagi semua siswa/i semester 1 dan siswa/i program Diploma Tahfiz Al-Quran Wal Qiraat hendaklah dilaksanakan secara bersemuka bermula **14 SEPTEMBER 2020 (ISNIN)**.

3. Namun demikian, semua siswa/i adalah diminta untuk **mematuhi prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Kolej Universiti** iaitu menjaga penjarakan fizikal, sentiasa mencuci tangan, dan sentiasa memakai pelitup separuh muka.

4. Selanjutnya, usaha ini adalah sebagai manifestasi dalam memastikan inisiatif pencegahan wabak Covid-19 sentiasa dipatuhi dalam kalangan siswa/i KUIM.

Kerjasama dan perhatian YBhg. Prof. Datuk Dr. / Dr. / Tuan / Puan / siswa/i. didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, wassalam.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"  
"WASATIYYAH, BERILMU, BERINTEGRITI"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(NOOR JEFFRI BIN ABDUL WAHAB)**

